

03/12/1997

10 firma minat beli Eleksuria

LANGKAWI, Selasa - Sebanyak 10 syarikat berminat menempah kereta elektrik pertama buatan Malaysia, Eleksuria yang dikeluarkan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM).

Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata Malaysia Airports Berhad, Penerbangan Malaysia (MAS) dan sebuah kelab golf adalah antara syarikat yang berminat membeli Eleksuria yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Syarikat itu berminat menempah jumlah yang banyak untuk kegunaan masing-masing, katanya selepas menyaksikan pertunjukan udara Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) hari ini.

POEM mempamerkan 10 buah Eleksuria di samping sebuah kereta antik pada pameran udara di hadapan Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang MatSirat dengan mendapat perhatian pengunjung.

Kereta jenis buggy itu adalah rekaan bercirikan Malaysia hasil usahasama Tenaga Nasional dan Frazee-Nash Research Ltd (FN) dari United Kingdom.

Ahmad Tajuddin berkata kereta itu dijangka berharga kira-kira RM40,000 sebuah.

Eleksuria sesuai untuk kegunaan ringan dan rekreasi dengan menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan. - Bernama

(END)